

15/02/2003

Memperluas manfaat perubatan

SEBAGAI seorang yang suka berterus terang, sindiran tajam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masyarakat perubatan kelmarin mengandungi maksud

mendalam. Apabila Perdana Menteri memberi perbandingan lebih banyak penyelidikan berhubung mati pucuk dan penawarnya dilakukan kerana ia menjanjikan pulangan besar sedangkan pembasmian Aids, batuk kering, malaria atau penyakit berjangkit lain seolah-olah dipandang sepi, ia adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Sebagai seorang pengamal perubatan sebelumnya, Dr Mahathir jelas tidak berselindung dengan hujah bahawa penyelidikan dalam bidang perubatan lebih tertumpu untuk memenuhi keperluan golongan kaya dan berkemampuan.

Hak untuk mendapatkan perubatan dan penawar tidak harus membezakan bezakan di antara golongan kaya dan miskin. Nyawa seharusnya tidak diletakkan pada sebarang tanda harga, seolah-olah hayat mereka yang berduit lebih bernilai sedangkan kematian buat rakyat biasa yang miskin dianggap sesuatu yang lumrah. Apabila Perdana Menteri merumuskan kesihatan kemanusiaan sekarang tidak pada tahap sepatutnya jika mengambil kira kemajuan dalam ilmu dan teknologi sains perubatan, cabaran sebenarnya dilontarkan kepada masyarakat perubatan untuk berusaha mengimbangi apa yang hari ini dilihat sebagai ketidakadilan ketara, dengan mengurangkan kos rawatan dan ubat-ubatan untuk manfaat lebih ramai.